

13/05/2000

Kerajaan dicadang keluar fatwa

UMNO Negeri Sembilan mencadangkan kerajaan mengeluarkan fatwa bagi menangkis tindakan pihak tertentu, khususnya Pas yang memperalat serta menyalahafsirkan Islam untuk kepentingan ahli mereka.

Wakil Perhubungan Umno Negeri Sembilan, Datuk Lilah Yassin, berkata pihaknya kesal apabila semakin ramai ulama berminat menyertai Pas dan ini memberi pengaruh kuat kepada masyarakat di negara ini.

Katanya, mereka (ulama) juga tanpa segan silu menyalahafsirkan Islam serta dengan mudah menghukum sesiapa saja termasuk mengkafirkan orang yang tidak berdosa.

"Mereka mendakwa Islam adalah parti mereka dan parti mereka adalah Islam.

"Oleh itu, kita mahu kerajaan mengeluarkan fakwa bagi memastikan akidah ahli Pas itu dipulihkan mengelak kejadian lebih buruk hingga menjejaskan umat Islam lain," katanya ketika membahaskan usul ucapan dasar Presiden, semalam.

Lilah berkata, pada 1990, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah melahirkan rasa bimbang terhadap masalah yang semakin bertambah apabila golongan ulama mempunyai pengaruh kuat terhadap umat Islam lain, terutama di luar bandar.

Malah, sejarah juga membuktikan usaha oleh Pas untuk memperalatkan Islam bagi kepentingan politik sebenarnya memberi keuntungan kepada mereka di dalam pilihan raya.

"Berikutan itu, ramai penduduk luar bandar memberi sokongan kuat kepada Pas kerana mereka percaya jika mengundi Pas ... akan masuk syurga manakala menyokong Umno akan masuk neraka.

"Keadaan itu, akhirnya menyebabkan undi dalam pilihan raya bagi calon Umno merosot," katanya.

Beliau berkata, semua pemimpin di pelbagai peringkat perlu turun ke padang untuk memberi penerangan kepada masyarakat di peringkat akar umbi supaya masalah yang dihadapi dapat di atasi segera.

Bagaimanapun, kini, masih ramai pemimpin yang enggan turun padang sehingga kurang mendapat sokongan daripada rakyat dan sekali gus menjejaskan undi ketika pilihan raya.

Selain itu, Umno Negeri Sembilan turut mencadangkan kerajaan menubuhkan dana pendidikan dan kebajikan bagi membantu golongan miskin termasuk pelajar untuk melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat tinggi.

Katanya, kerajaan boleh mengambil ilham daripada Projek Langkawi MCA bagi tujuan yang sama untuk membantu masyarakat Cina.

Projek Langkawi, selain dapat membantu masyarakat dalam bidang pendidikan dan kebajikan, ia juga sebagai langkah menggalakkan mereka memberi sokongan kuat kepada MCA.

(END)